

# Perjanjian kerjasama bolehkan Anwar bentuk kerajaan dua pertiga

PH-17/12/2022 mlk:2

## Enam gabungan politik utama dua calon Bebas, memeterai persefahaman

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Enam gabungan politik utama dan dua calon Bebas, semalam memeterai perjanjian persefahaman untuk menyokong dan mengukuhkan kerjasama dalam Kerajaan Perpaduan, yang dipimpin Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perjanjian dinamakan Permuafakatan Antara Gabungan di bawah Kerajaan Perpaduan itu membabitkan Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Parti Warisan Sabah (WARISAN), Parti Bangsa Malaysia (PBM) dan Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM).

PH, yang memenangi 82 kerusi, BN (30), GPS (23), GRS (enam), WARISAN (tiga) dan dengan masing-masing satu oleh PBM dan KDM serta dua calon Bebas menjadikan jumlah 148 kerusi ataupun dua pertiga daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.

Perjanjian yang ditandatangani gabungan dan parti politik ser-

ta calon Bebas itu menggariskan kerjasama bagi menamatkan kemelut politik negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) dan memastikan kestabilan kerajaan ketika ini sehingga tamat penggal, sekali gus meneruskan usaha memacu ekonomi negara.

Kerjasama itu akan diterjemahkan terlebih dahulu pada sidang khas Dewan Rakyat, Isnin ini, dengan semua parti terbabit dan Ahli Parlimennya, dipertanggungjawabkan untuk menyokong usul undi percaya kepada Perdana Menteri.

Menerusi perjanjian itu, semua pihak yang terbabit bersetuju untuk mana-mana Ahli Parlimen yang tidak menyokong, enggan atau cuai melaksanakan tanggungjawab itu di Parlimen, pada Isnin ini, dilucutkan jawatan sebagai Ahli Parlimen.

Pada sidang media pertama selepas majlis mengangkat sumpah jawatan 24 November lalu, Perdana Menteri memaklumkan, satu usul undi percaya akan dibentangkan pada sidang Parlimen pada 19 Disember ini, bagi menamatkan persoalan mengenai keabsahannya selaku Perdana Menteri.

Usul itu akan dibentangkan sendiri oleh beliau dan dalam kenyataan medianya beberapa hari lalu, Anwar yakin bakal memperoleh sokongan dua pertiga daripada Ahli Parlimen.

Selain itu, perjanjian yang dimeterai semalam, turut menetapkan parti dan ahlinya untuk menyokong Rang Undang-Undang



Anwar pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Permuafakatan Antara Gabungan di bawah Kerajaan Perpaduan di Putrajaya, semalam.  
(Foto BERNAMA)

Perbekalan dan apa-apa usul yang dibentangkan kerajaan, yang mempunyai kesan kepada keabsahan Kerajaan Persekutuan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Kegagalan Ahli Parlimen terbabit berbuat demikian juga akan membawa kepada pengosongan kerusi Parlimen yang dimenginya.

Perjanjian itu menggariskan, setiap parti bertanggungjawab untuk menguruskan secara dalaman, dalam parti masing-masing bagi memastikan sokongan Parlimen dalam sebarang undian, yang membawa kesan kepada keabsahan Kerajaan Perpaduan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Setiap parti dan pihak terbabit perlu memastikan setiap Ahli Parlimen mereka mengundi, seperti yang nyatakan pada klausa 4(a) perjanjian berkenaan.

Sekiranya berlaku kegagalan, keengganan atau kecuai oleh mana-mana Ahli Parlimen dalam gabungan berkenaan untuk berbuat demikian, ia diambil kira sebagai pelanggaran tanggungjawab Ahli Parlimen secara indi-

vidu kepada parti itu.

Jika ini berlaku, Ahli Parlimen terbabit dianggap meletak jawatan dan / atau diberhentikan daripada menjadi Ahli Parlimen dan kerusi terbabit dikosongkan seperti dalam kerangka maksud Artikel 49A(1) Perlembagaan Persekutuan.

### Asas Kerajaan Perpaduan

Perjanjian itu menetapkan, jika perkara ini berlaku, parti Ahli Parlimen terbabit perlu mengeluarkan notis kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat, memaklumkan pengosongan kerusi selaras peruntukan Artikel 49A(1) Perlembagaan Persekutuan, untuk memberi notis kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mengadakan pilihan raya kecil.

Perjanjian persefahaman itu menetapkan, parti yang terbabit dalam kerjasama itu adalah asas kepada penubuhan Kerajaan Perpaduan, maka pihak terbabit mempunyai prerogatif tunggal untuk memastikan ahli Dewan Rakyat masing-masing mengundi segala usul, terutamanya berkenaan kepercayaan dan bekalan

berdasarkan arahan parti masing-masing.

Perjanjian kerjasama itu menetapkan kandungan perkara membabitkan usul khas serta Rang Undang-undang Perbekalan itu adalah penzahiran kepada langkah menguat kuasa undang-undang antilompat parti melalui akta secara kumulatif, iaitu Akta Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 yang sudah diluluskan, diwartakan dan dikuatkuasakan.

Akta itu meminda Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan untuk menyekat kebebasan berhimpun ahli Dewan Rakyat; Perkara 49A Perlembagaan Persekutuan yang baharu berkenaan larangan lompat parti dan Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, yang mengiktiraf parti politik sebagai teras dalam sistem demokrasi berparlimen Malaysia.

Ia membabitkan Perkara 43(2)(a) berkaitan pelantikan Perdana Menteri, Perkara 43(2)(b) (pelantikan ahli Jemaah Menteri) dan Perkara 43A (pelantikan Timbalan Menteri), perlu dibaca sejajar dan konsisten kepada Akta Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022.

Perjanjian persefahaman kerjasama itu ditandatangani oleh Presiden WARISAN, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Pengerusi GPS, Tan Sri Abang Johari Abang Openg; Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi GRS, Datuk Seri Hajiji Noor, manakala PH diwakili Anwar sendiri sebagai Pengerusinya.

Turut menandatangani perjanjian berkenaan adalah Setiausaha Agong gabungan politik masing-masing iaitu Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mewakili PH; Datuk Seri Zambry Ab Kadir (BN); Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (GPS); Datuk Seri Marsidi Manjun (GRS) dan Datuk Loretto S Padua Jr (WARISAN).